

# MDEC, KPMG jalin kerjasama galak pertumbuhan 20 syarikat pemula

Oleh KAMARIAH KHALID

ekonomiutusan@mediamulia.com.my

**CYBERJAYA:** Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) menjalin kerjasama dengan firma perkhidmatan profesional, KPMG bagi menggalakkan pertumbuhan 20 syarikat pemula atau *start ups* untuk menjadi syarikat unicorn menjelang 2025 dalam bidang teknologi.

Ketua Pegawai Eksekutif MDEC, Mahadhir Aziz berkata, Founders Centre for Excellence (FOX) kendalian MDEC adalah inisiatif intervensi untuk menyediakan sokongan kepada syarikat terpilih yang berpotensi tinggi menjadi *unicorn* seterusnya.

“Objektif kami adalah untuk

mengembangkan lima syarikat unicorn dari Malaysia menjelang 2025 dengan menumpukan kepada strategi serampang dua mata dari segi meningkatkan kebolehupayaan dan penambahbaikan untuk semua pengasas teknologi yang ingin mempercepatkan pertumbuhan mereka.

“Enam tonggak utama menerusi program FOX termasuk intervensi polisi, pengembangan perniagaan, pelaburan bernilai tinggi, perundingan serta pemerolehan bakat dan bimbingan,” katanya pada program pertukaran dokumen kerjasama antara MDEC FOX dan KPMG di Ibu Pejabat MDEC di sini, semalam.

Teks ucapan beliau dibacakan oleh Naib Presiden Kanan

MDEC, Gopi Ganesalingam.

Mengulas lanjut, Mahadhir berkata, kerjasama itu termasuk menyediakan perundingan serta nasihat mengenai fintech dan inovasi, ketahanan teknologi, kesinambungan perniagaan, infrastruktur dan tadbir urus serta risiko dan pematuhan.

“Kami yakin kerjasama antara MDEC dan KPMG akan memberi manfaat kepada 20 syarikat pemula tersebut dari segi pengetauan dan sokongan untuk terus memperkuuh perjalanan perniagaan mereka.

“Tambahan pula, terdapat jangkaan yang tinggi bahawa program FOX oleh perintis terpilih ini akan memberi inspirasi terhadap generasi usahawan di negara ini,” katanya.



**GOPI Ganesalingam (dua kiri) dan rakan kongsi urusan KPMG di Malaysia, Datuk Johan Idris menyaksikan pertukaran dokumen kerjasama antara MDEC dan KPMG di Cyberjaya, semalam.**